

**Pindaan Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023)  
Bagi Arahan Perbendaharaan (AP) 59**

| No. AP | Tajuk   | Perincian AP  | Tarikh Kuat Kuasa          |
|--------|---|---|----------------------------|
| AP 59  | <p><b>Pembayaran Bagi Bekalan, Kerja, Atau Perkhidmatan Yang Dipesan, Dibekal Atau Disempurnakan Dengan Suci Hati Tidak Boleh Ditahan</b></p> | <p>(c) <b>Bagi kes yang melibatkan Perbendaharaan sebagai Pihak Berkuasa (berdasarkan nilai pendahuluan diri yang telah ditentukan),</b> Pegawai Pengawal hendaklah menyediakan satu (1) laporan bertulis bagi menghuraikan sebab yang mendorongnya menyimpang daripada cara biasa dan mengemukakan kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri tidak lewat dari 60 hari daripada tarikh pendahuluan diri diluluskan.</p> <p>(d) <b>Bagi kes yang diputuskan di peringkat Jawatankuasa Arahan Perbendaharaan 59 (JKAP 59) Peringkat Kementerian (berdasarkan nilai pendahuluan diri yang telah ditentukan), satu (1) laporan bertulis yang disediakan oleh Pegawai Pengawal bagi menghuraikan sebab yang mendorongnya menyimpang daripada cara biasa berserta keputusan JKAP 59 Peringkat Kementerian hendaklah dikemukakan</b></p> | <p>31<br/>Mei<br/>2026</p> |

| No. AP | Tajuk | Perincian AP  | Tarikh Kuat Kuasa |
|--------|-------|---|-------------------|
|        |       | <p>kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri tidak lewat dari 60 hari daripada tarikh JKAP 59 peringkat Kementerian bersidang.</p> <p>(e) Pelarasan pendahuluan diri hendaklah dilakukan dengan segera tetapi tidak lewat dari 60 hari setelah mendapat kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri.</p> |                   |